

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS
[JERANTUT]**

TARIKH : 6 NOVEMBER 2019 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan bilakah Kerajaan akan mengumumkan dapatan kajian Dasar Agromakanan Negara 2.0 bagi tempoh tahun 2021 hingga tahun 2030 serta pelan tindakan bagi mencapai dapatan kajian tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Kajian Dasar Agromakanan Negara (DAN 2.0) sedang dilaksanakan oleh pihak perunding yang dilantik dengan tempoh selama 18 bulan dan dijangka siap sepenuhnya pada Februari 2021. Hasil dapatan kajian ini akan dimasukkan dalam Pelan DAN 2.0 yang dijangka akan dilancarkan bersama pelan tindakan pada 2021.
2. Secara umumnya, tiga objektif DAN sedia ada iaitu menjamin bekalan makanan yang mencukupi dan selamat dimakan, menjadikan industri agromakanan berdaya saing dan mampan dan meningkatkan pendapatan usahawan tani akan diteruskan dalam pelaksanaan DAN 2.0 kelak.
3. Selain itu, DAN 2.0 juga akan terus menangani isu-isu semasa sektor agromakanan seperti ketidakstabilan harga input pertanian, penurunan kadar pertukaran wang asing yang memberi kesan kepada nilai import dan eksport bahan makanan, kebergantungan tinggi terhadap pekerja, peningkatan defisit Imbalance Dagangan dan sebagainya dalam tempoh sedekad. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]

TARIKH : 6 NOVEMBER 2019 (RABU)

SOALAN NO. 31

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah penerima basiswa Kerajaan setiap tahun dari 2000 hingga 2019 mengikut pecahan program berikut; basiswa nasional, lepasan *bursary*, universiti terkemuka, program khas kejuruteraan Jepun, Perancis, Jerman, Korea dan universiti-universiti negara China .

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ada menyediakan program tajaan biasiswa kepada pelajar untuk melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Pertama, Sarjana dan Kedoktoran di negara Perancis, China, Jepun dan Korea. Seramai seratus lima (105) orang penerima biasiswa KPM bagi tahun 2017 hingga 2019 yang melanjutkan pengajian di empat (4) negara tersebut bagi Program Penghantaran Pelajar Cemerlang ke China Untuk Pembelajaran Bahasa Mandarin Dalam Kalangan Penutur Jati, Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB), Skim Latihan Akademik IPTA (SLAI), Sub Kepakaran (SK), Program Berkembar Praperkhidmatan Bahasa Perancis dan Post Doktoral (PD).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selain KPM, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) turut menyediakan penajaan kepada pelajar melanjutkan pengajian ke institusi pendidikan tinggi (IPT).

Bagi menyokong hasrat Kerajaan untuk memartabatkan IPT tempatan serta usaha menjadikan Malaysia sebagai hab pendidikan, penghantaran pelajar ke luar negara di bawah program biasiswa JPA hanya terhad kepada universiti terkemuka serta bidang-bidang keperluan negara sahaja. Jumlah keseluruhan penerima tajaan JPA ke luar negara bagi Program Penajaan Nasional (PPN), Program Khas Jepun, Korea, Perancis dan Jerman (JKPJ) dan Program Lepasan Bursary dari tahun 2013 hingga 2018 adalah seramai 2,791 orang.

Sekian, terima kasih.